

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-49



BURSA MALAYSIA BERHAD

No. Pendaftaran 197601004668 (30632-P)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016)

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-49 Bursa Malaysia Berhad ("Syarikat") akan diadakan pada hari Selasa, 31 Mac 2026 pada jam 10.00 pagi di Aras Bawah, Bangunan Annexe, Bursa Malaysia Berhad, Exchange Square, Bukit Kewangan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia ("Lokasi Utama") dan secara maya melalui portal VISTRA SRMY di <https://srmy.vistra.com> ("Platform Dalam Talian") untuk pelaksanaan urusan-urusan berikut:

- Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 berserta laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.
- Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat dan kerana layak menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:-
 - Encik Syed Ari Azhar bin Syed Mohamed Adlan
 - Cik Tan Ler Chin
- Untuk melantik semula Dato' Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican yang bersara mengikut Artikel 18.11 Perlembagaan Syarikat dan kerana layak menawarkan dirinya untuk dilantik semula.
- Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah berjumlah RM300,000 setahun untuk Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM200,000 setahun untuk setiap Pengarah Bukan Eksekutif berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.
- Untuk meluluskan pembayaran manfaat kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan para Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah sehingga RM2,600,000 bermula 1 April 2026 sehingga AGM Syarikat tahun yang berikutnya.
- Untuk melantik Tetuan Ernst & Young PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menetapkan imbuhan mereka.
- Untuk melaksanakan urusan-urusan lain yang mana notis sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

Resolusi 1
Resolusi 2

Resolusi 3

Resolusi 4

Resolusi 5

Resolusi 6

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri AGM ke-49 ini, menurut Artikel 15.9 Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, pihak Syarikat akan memohon kepada Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung bertarikh 24 Mac 2026. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit bertarikh 24 Mac 2026 sahaja yang layak untuk menghadiri mesyuarat ini atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md Hashim (LS 0006674) SSM PC No. 202008003707

Izreen Fara binti Ismail (MAICSA 7056436) SSM PC No. 202008002411

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

3 Mac 2026